

SOALAN LAZIM FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)



**PERALIHAN MEDIUM
ROAMING + ONE TIME
PASSWORD (OTP)
iGFMAS & ePEROLEHAN**



SOALAN LAZIM

FAQ



1

Pengguna **TIDAK PERLU Membuat pemasangan dan daftar MyGPKI Mobile** dalam telefon pintar bagi :

- Tiada liputan rangkaian/ pembekal telco
- Liputan pembekal telco sekejap ada, sekejap tiada
- Pejabat tidak membenarkan membawa telefon pintarsemasa bertugas rasmi



- Kod OTP dihantar ke e-mel yang didaftarkan di sistem GPKI.
- Pastikan pengguna perakuan dokumen telah mengemaskini e-mel rasmi atau individu yang aktif di portal MyGPKI <https://mygпки.gov.my>.

2

Pengguna **TELAH MENDAFTAR MyGPKI Mobile** tetapi tertinggal telefon pintar di rumah



Sedia ada, jika token tinggal di rumah pengguna tidak dapat membuat perakuan di pejabat. Sama juga dengan senario apabila telefon pintar tertinggal di rumah, tidak dapat membuat perakuan/meluluskan dokumen dalam sistem di pejabat.

3

Pengguna **TELAH MENDAFTAR MyGPKI Mobile** tetapi

- Kehabisan bateri telefon pintar
- telefon pintar dimatikan/ditutup
- Isu pembekal rangkaian telco



kod OTP akan dihantar ke MyGPKI Mobile pengguna selepas rangkaian kembali pulih atau telefon dibuka semula.





SOALAN LAZIM

FAQ

4

?

Berapa lama **tempoh sah kod OTP** di antara MyGPKI Mobile atau e-mel ?



Tempoh sah adalah sama di antara MyGPKI mobile atau e-mel. Sebagai contoh dalam tempoh dua (2) minit untuk menggunakan kod OTP tersebut.



5

Adakah kod OTP yang sama boleh digunakan bagi perakuan dokumen yang berlainan ?



Tidak boleh digunakan. Satu OTP hanya untuk tandatangan digital satu dokumen sahaja dalam tempoh yang ditetapkan pada sesuatu masa.

6

Pengguna yang memuat turun MyGPKI Mobile lebih daripada satu peranti mudah alih. Adakah OTP boleh diterima di semua peranti mudah alih beliau secara serentak?



Kod OTP hanya dihantar kepada satu peranti mudah alih yang terkini dibuat instalasi MyGPKI Mobile dengan dilogin/aktifkan.





SOALAN LAZIM

FAQ



7

Pengguna telah menggunakan roaming OTP di fasa 1, kemudian bertukar Jabatan ke AO/PTJ di fasa 3. Adakah pengguna beralih menggunakan token?



Pengguna terus menggunakan roaming OTP, kerana sijil digital mengikut individu.

8

Adakah Roaming OTP perlu diaktifkan terlebih dahulu sebelum digunakan?



- Roaming OTP tidak perlu diaktifkan kerana tidak menggunakan MyGPKI Agent.
- Pengguna boleh terus membuat transaksi di dalam sistem menggunakan kod OTP yang telah diterima.

9

Adakah boleh terus menggunakan Roaming OTP ?



Tidak boleh, Pengguna perlu membuat permohonan medium Roaming OTP terlebih dahulu selepas menerima e-mel notifikasi pengesahan alamat e-mel pengguna dan sijil roaming diluluskan dan dijana oleh Certificate Authority (CA).





SOALAN LAZIM

FAQ



10

Bagaimanakah jika pengguna token sedia ada tidak menerima **notifikasi pengesahan alamat e-mel pengguna** permohonan Sijil Digital Roaming OTP?



- Pengguna token sedia ada perlu merujuk kepada Pentadbir SAP/SA/AP masing-masing bagi semakan dan penghantaran semula notifikasi permohonan Sijil Digital Roaming OTP kepada pengguna.
- Pentadbir SAP/SA/AP boleh menghantar semula notifikasi permohonan Sijil Digital Roaming OTP melalui Sistem MyGPKI.

11

Adakah semua pengguna token perlu memohon Sijil Digital Roaming OTP?



Ya, semua pengguna yang menggunakan token sedia ada perlu memohon Sijil Digital Roaming OTP kerana sistem iGFMAS/ePerolehan telah bersedia menggunakan medium Sijil Digital Roaming OTP.

12

Adakah Pentadbir SAP/SA/AP MyGPKI perlu membuat pendaftaran pengguna semula bagi pengguna Sistem iGFMAS/ePerolehan sedia ada?



Pentadbir SAP/SA/AP MyGPKI **tidak perlu** membuat pendaftaran pengguna semula kerana pengguna token sedia ada akan didaftarkan penambahan medium roaming OTP oleh pentadbir Sistem MyGPKI iaitu JDN.





SOALAN LAZIM

FAQ



13

Apakah nombor telefon yang perlu didaftarkan selepas pemasangan aplikasi MyGPKI Mobile di telefon pintar?



Pengguna perlu memasukkan nombor telefon yang didaftarkan dalam Sistem MyGPKI untuk menerima kod OTP. Jika berlainan mohon kemaskini nombor telefon di portal MyGPKI.

14

Bagaimanakah caranya untuk menghapuskan akaun yang telah berada dalam aplikasi MyGPKI Mobile?




- Bagi Telefon Bimbit Platform Android/Huawei - Pengguna boleh terus nyahpasang (uninstall) aplikasi MyGPKI Mobile di telefon bimbit.
- Bagi Telefon Bimbit Platform iOS - Pengguna perlu hapus akaun (icon dustbin) dalam aplikasi MyGPKI Mobile terlebih dahulu dan kemudian nyahpasang (uninstall) aplikasi MyGPKI Mobile di telefon bimbit.

15

Apakah yang perlu pengguna lakukan sekiranya telefon pintar pengguna hilang?



- Pengguna perlu memuat turun dan memasang semula aplikasi MyGPKI Mobile pada telefon pintar baharu.
- Kemudian, buka aplikasi MyGPKI Mobile tersebut bagi proses Daftar Peranti Mudah Alih dengan memasukkan no. MyKad dan no. telefon yang didaftarkan dalam Sistem MyGPKI. Selepas selesai mendaftar no. telefon baharu, pengguna boleh menerima kod OTP pada telefon pintar baharu tersebut.





SOALAN LAZIM

FAQ



16



Adakah boleh menggunakan nombor telefon baharu sekiranya telefon pintar hilang?



- Ya, boleh. perlu terlebih dahulu mengemaskini nombor telefon baharu di dalam portal MyGPKI.
- Kemudian, pasang (install) aplikasi MyGPKI Mobile semula pada telefon pintar baharu.
- Buat 'Pendaftaran Peranti Mudah Alih' dengan memasukkan no. MyKad dan no. telefon dalam aplikasi MyGPKI Mobile. Selepas selesai membuat pendaftaran semula, pengguna akan menerima Kod OTP melalui no. telefon pintar baharu.

17

Di manakah boleh reset atau tukar PIN Roaming OTP?



Pengguna boleh melakukan reset / tukar PIN Sijil Digital Roaming OTP di dalam Portal MyGPKI di bahagian Menu **[Perkhidmatan] > [Reset / Tukar PIN Softcert/Roaming]**.





SOALAN LAZIM

FAQ



18

Adakah pengguna boleh menggunakan aplikasi MyGPKI Mobile sama ada di telefon pintar atau peranti tablet?



Aplikasi MyGPKI Mobile boleh dipasang pada peranti mudah alih dengan syarat peranti tersebut mempunyai kad sim (simcard).

19

Sekarang menggunakan telefon bimbit platform Android dan telah dipasang dengan aplikasi MyGPKI Mobile. Apakah tindakan pengguna selanjutnya sekiranya bertukar platform peranti mudah alih/telefon iOS (iPhone)?



Jika pengguna telah beralih platform telefon pintar daripada Android kepada iOS (iPhone), maka aplikasi MyGPKI Mobile akan dinyahaktifkan secara automatik pada telefon pintar platform Android atau sebaliknya kerana hanya 1 peranti mudah alih sahaja yang boleh menggunakan aplikasi MyGPKI Mobile oleh seorang pengguna pada satu masa.





SOALAN LAZIM

FAQ

20

Adakah pengguna token sedia ada perlu memohon pembatalan selepas mempunyai Roaming OTP?



- Pengguna token tidak perlu membuat permohonan pembatalan selepas mempunyai medium Roaming OTP tetapi hanya perlu menunggu sehingga token tamat tempoh sahaja.
- Sekiranya pengguna masih mempunyai keperluan menggunakan token pada sistem lain, maka pengguna adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan pembaharuan token.



21

Adakah token sedia ada perlu dipulangkan ke JDN?



- Pengguna iGFMAS diminta untuk menyimpan token sehingga arahan dikeluarkan untuk memulangkan token ke JDN.

22

Apakah Spesifikasi telefon pintar untuk memasang aplikasi MyGPKI Mobile ?



- Spesifikasi minimum Operating System (OS) telefon pintar :
- Android 8 - terkini
 - iOS 12 - terkini
 - HarmonyOS (Android Based)

